

Headline	Bank Islam masih berminat tembusi Indonesia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B1,2	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,418



Bank Islam masih berminat tembusi Indonesia

Bank Islam Malaysia Bhd masih berminat dalam pasaran perbankan Islam Indonesia, meskipun percubaan sebelum ini untuk menembusi negara Islam terbesar di dunia itu menemui jalan buntu.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat, berkata Indonesia memiliki prospek besar kerana kadar penembusan dalam sektor perbankan Islam di negara yang memiliki penduduk seramai 240 juta itu, masih lagi kurang.

"Penembusan perbankan Islam di Indonesia masih kira-kira tiga hingga empat peratus, manakala Malaysia adalah antara 23 dan 24 peratus. Penduduk Islam di Indonesia amat besar tetapi penembusan perbankan Islam sangat rendah, sudah tentunya banyak peluang perniagaan di sana," katanya dalam satu temu bual di Kuala Lumpur.

Cabarani di Indonesia

Beliau berkata, berikutnya penembusan rendah dalam perbankan Islam, sektor berkenaan mencatatkan pertumbuhan tahunan yang pesat antara 30 dan 40 peratus.

Zukri berkata, Indonesia juga memiliki ramai golongan penduduk berpendapatan sederhana.

"Saya diberitahu oleh pihak di Indonesia bahawa menjelang 2015, Indonesia dikatakan akan memiliki bilangan penduduk berpendapatan sederhana antara 30 juta dan 40 juta, yang mana lebih besar dari pada jumlah penduduk Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, sistem kawal selia dan penilaian syarikat masih menjadi satu cabaran bagi bank itu untuk memasuki pasaran Indonesia.

Zukri berkata, peraturan baharu di Indonesia mengehadkan pegangan orang asing dalam syarikat tempatan kepada 40 peratus berbanding 99 peratus sebelum ini.

Selain itu, katanya, disebabkan banyak orang asing yang menunjukkan minat untuk mengembangkan operasi mereka ke Indonesia, penilaian bank di negara itu menjadi semakin mahal. **© Bisnes B2**

Headline	Bank Islam masih berminat tembusi Indonesia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B1,2	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,418

Risiko perubahan peraturan

● Dari muka B1

Namun, beliau berkata, sekiranya sesebuah bank boleh didapati harga yang sesuai, pihak berminat perlu mengambil kira risiko perubahan peraturan untuk meneroka ke pasaran Indonesia.

Bagaimanapun, Zukri berkata, buat masa sekarang Bank Islam tidak mengadakan sebarang perbincangan dengan mana-mana pihak dari negara jiran itu untuk sebarang kemungkinan pengambilalihan.

"Kami masih mencuba tetapi buat masa sekarang, kami masih belum berjumpa sesiapa yang kami boleh teruskan usaha ini selanjutnya," katanya.

Dua percubaan Bank Islam sebelum ini tidak berjaya membawa hasil. Satu daripadanya adalah cadangan pengambilalihan PT Bank Muamalat pada 2012, tetapi janji niaga itu ditangguhkan oleh pihak Indonesia. **BERNAMA**

